

Saito College Juara Peraduan Sulung Video Pendek Kebangsaan MyKRIS

MyKRIS Limited, Tier-1 Malaysian Internet & Internet Service Provider (ISP) yang juga tersenarai di Bursa Saham New Zealand 'NZX' hari ini mengumumkan pelajar Saito College sebagai pemenang hadiah utama dalam Peraduan Sulung Video Pendek peringkat Kebangsaan MyKRIS.

Bertemakan "Youth Creativity Prevails," peraduan ini terbuka kepada semua pelajar peringkat Universiti dan Kolej dalam jurusan animasi, multimedia, video editing, seni reka grafik, filem dan penyiaran. Dalam usaha menggalakkan penyertaan daripada peserta, Peraduan Video Pendek MyKRIS dijadikan sebagai sebahagian daripada tugas amali di beberapa kolej yang terlibat. Setiap pelajar ditugaskan untuk menghasilkan video pendek atau animasi digital klip mengenai MyKRIS perniagaan teknologi jalur lebar dan perkhidmatan terus berkelajuan tinggi.

Sebanyak 250 pelajar dari sepuluh institusi tempatan mengambil tempat di dalam pertandingan yang berlangsung pada September dan berakhir Disember lalu termasuk INTI University, Kuala Lumpur Metropolitan University College (KLMUC), Saito College, Arte Academy, UCSI University, Raffles University Iskandar, Asia Pacific University (APU), LINCOLN University College, ALFA International College dan IACT College.

Acara penyampaian hadiah telah disempurnakan di galeri IACT College dengan menyaksikan hadiah terkumpul sebanyak RM 15,000 dan Juara Institusi sebanyak RM 3,000. Pemenang turut berpeluang bekerjasama dalam pembikinan video korporat MyKRIS.



Barisan pelajar yang dinobatkan sebagai pemenang pertandingan.